



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A 2016/11/93 (HQ)

TNB-KKM JALIN KERJASAMA SIHAT

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memeterai memorandum persefahaman (MOU) bersama Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mendapatkan nasihat dan kepakaran KKM di bawah program Komuniti Sihat, Perkasa Negara (KOSPEN) Plus.

Jalanan kerjasama ini akan memperkukuhkan pelaksanaan *Total Wellness Programmes*, satu program untuk seluruh 35,000 warga kerja TNB ke arah gaya hidup sihat sekali gus mencapai keseimbangan hidup bekerja (work life balance).

Naib Presiden (Sumber Manusia) TNB, Dato' Muhammad Razif Abdul Rahman ketika majlis memeterai MOU semalam berkata sebagai aset utama syarikat, warga kerja TNB perlu sentiasa menjaga kesihatan agar dapat menyumbangkan tenaga dan idea ke arah peningkatan produktiviti.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia Dr. Chong Chee Kheong berkata KOSPEN diperkenalkan KKM pada 2013 berasaskan kebimbangan implikasi masalah penyakit tidak berjangkit yang semakin meningkat.

Daripada kumpulan sasaran individu dan komuniti, KOSPEN telah dikembangkan ke tempat kerja (KOSPEN) Plus pada tahun ini melibatkan 35 agensi awam dan swasta di seluruh semenanjung.

Program ini merangkumi enam skop utama iaitu Amalan Pemakanan Sihat, Hidup Yang Aktif, Pengurusan Berat Badan, Amalan Tidak Merokok, Saringan Kesihatan serta Minda Yang Sihat.

MOU ditandatangani oleh Razif bagi pihak TNB dan Dr. Chong bagi pihak KKM, disaksikan oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dan Pemangku Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr. Wan Mansor Hamzah.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 8 November 2016

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)
media@tnb.com.my*